

Latihan 4

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan ejaan manakala petikan 2 terdapat tujuh kesalahan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap perkataan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Jallikattu merupakan sukan yang menjinakan lembu jantan yang unik di Tamil Nadu. Permainan ini dinamakan sedemikian kerana melibatkan seekor lembu jantan yang dilepaskan melalui pintu sempit ke dalam arena. Peserta lelaki akan cuba meraih kantung yang terikat pada tanduk lembu dengan merangkul bonggol lembu tersebut. Bagi mengawal lembu, peserta juga akan mencapai ekor dan tanduk lembu bagi mengawal lembu tersebut. Kantung yang disangkut pada tanduk lembu mestilah berjaya diambil tanpa mengalami sebarang kecederaan. Jallikattu merupakan identiti dan lambang kebanggaan serta budaya masyarakat Tamil khususnya di Tamil Nadu. Walaupun permainan ini ditentang pelaksanaan oleh kumpulan aktivitis dan pejuang hak haiwan, tetapi permainan ini diteruskan kerana telah menjadi tradisi sejak berkurun lamanya.

Dipetik dan diubah suai daripada
Jallikattu Antara Identiti Tamil dengan Hak Asasi Haiwan
Oleh Jaymani Sevanathan
Majalah Dewan Budaya, Bil. 12/2020

Petikan 2

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dilahir di Bogor, Jawa Barat Indonesia pada 5 September 1931. Beliau dapat pendidikan awal di Indonesia dan seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang sastera Melayu, sejarah serta kebudayaan Barat di luar negara. Beliau telah menubuhkan Institut Tamadun dan Pemikiran Islam Antarabangsa (ISTAC) pada tanggal 4 Ogos 2008. Jika ke ISTAC, pengunjung akan berasa kagum dan dipukau dengan permandangan yang begitu indah. Seni bina bangunan yang bercirikan Islam benar-benar menarik dan unik. Setiap sudut mempunyai nilai estetika yang tersendiri dengan motif tertentu. Ukirannya seolah-olah berada di Alhambra, Sepanyol apabila berada di kampus ini. Tidak hairanlah jika ISTAC terdapat jolokan nama *Little Spain of Malaysia*.

Dipetik dan diubah suai daripada
Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas, Permata yang Bersinar
Oleh Siti Azizah Md Nor, Maznah Zakaria dan Wan Salwati Wan Salleh
Majalah Dewan Tamadun Islam, Bil. 12/2020

Kesalahan ejaan kata nama khas dan kata pinjaman:

- Kesalahan ejaan boleh mengandungi kesalahan ejaan kata nama khas dan kata pinjaman
- Contoh kesalahan ejaan kata nama khas dan kata pinjaman adalah seperti yang berikut

Ejaan Salah	Ejaan Betul	Ejaan Salah	Ejaan Betul
Cikgu azillah	Cikgu Azilah	Nasionalisma	Nasionalisme
encik muzammil	Encik Muzammil	Pra-sejarah	Prasejarah

Bil.	Petikan 1	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		

Bil.	Petikan 2	
	Kesalahan	Pembetulan
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		
(vii)		

Bagi menjawab latihan 4, murid perlulah:

- Kenal pasti imbuhan yang terdapat dalam petikan
- Tuliskan imbuhan yang salah terlebih dahulu, kemudian betulkan semula ejaan tersebut
- Contoh kesalahan imbuhan adalah seperti yang berikut

Imbuhan Salah	Imbuhan Betul	Imbuhan Salah	Imbuhan Betul
Memperolehi	Memperoleh	Megubah	Mengubah

